KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	8/1/2022 (SABTU)	MUKA SURAT	:	18
JABATAN	:	KeTSA / SEDA			

HM 8.1.2022_18

Save 3.0 tawar e-rebat RM400 bagi belian barangan elektrik cekap tenaga

Putrajaya: Program *Sustainability Achieved via Energy Efficiency (Save)* 3.0 menawarkan e-rebat hingga RM400 bagi pembelian peralatan elektrik cekap tenaga pada tahun ini selain lebih banyak pilihan kategori peralatan elektrik.

Menteri Tenaga dan Sumber Asli Datuk Seri Takiyuddin Hassan berkata, pemberian e-rebat bagi pembelian peralatan elektrik berlabel empat atau lima bintang cekap tenaga oleh Suruhanjaya Tenaga (ST) itu dijangka memanfaatkan 140,000 isi rumah di negara ini.

Program Save 2.0 sebelum ini menawarkan e-rebat RM200 dan hanya terhad kepada pembelian penyaman udara atau peti sejuk.

Takiyuddin berkata, Save 3.0 menawarkan lebih banyak pilihan peralatan elektrik iaitu kategori satu meliputi penghawa dingin atau peti sejuk manakala kategori dua televisyen, mesin basuh, ketuhar gelombang mikro atau periuk nasi.

"Penerima e-rebat bagi Save 2.0 adalah tidak layak untuk memohon kategori satu bagi Save 3.0," katanya ketika ketika melancarkan Save 3.0 di sini, semalam.

Takiyuddin berkata, program Save 3.0 dibiayai Dana Akaun Amanah Industri Bekalan Elektrik (AAIBE) yang juga kesinambungan daripada Save 1.0 dan Save 2.0.

Menurutnya, program Save 2.0 mencatat penebusan 134,000 e-rebat dan penjimatan tenaga bernilai RM26.8 juta.

Beliau berkata, pelaksanaan Save 3.0 dijangka memberi penjimatan tenaga sebanyak 153 gigawattjoule (GWj) setahun yang bersamaan dengan RM60.45 juta serta mengurangkan pelepasan 103,890 tan karbon dioksida setahun.

Permohonan Save 3.0 untuk warganegara Malaysia terhad kepada satu akaun bil elektrik bagi pembelian dalam tahun ini yang berdasarkan kepada konsep *first come first serve* bermula semalam.

Dua kaedah pembelian untuk program Save 3.0 adalah secara fizikal dengan membawa bil elektrik ke kedai atau pasar raya berdaftar atau memohon e-rebat melalui dalam talian menerusi platform e-dagang.



TAKIYUDDIN menunjukkan label penarafan kecekapan tenaga lima bintang semasa sidang media di kementeriannya, semalam mengenai e-rebat Program Save 3.0 untuk pembelian peralatan elektrik cekap tenaga.